

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 20 TAHUN 2008

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI,
PENSYARAH PERUBATAN, PENSYARAH PERGIGIAN DAN
PENSYARAH UiTM**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai peruntukan perbekalan kenaikan pangkat ke jawatan Ketua Eksekutif dalam skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM diubah selaras dengan pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2007 (Kaedah Pengisian Jawatan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Berkanun) yang telah membenarkan kaedah pengisian jawatan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Berkanun melalui kaedah kenaikan pangkat dari kalangan pegawai Pihak Berkuasa Berkanun itu sendiri, selain kaedah peminjaman dari kalangan pegawai agensi awam yang lain, atau kontrak dari kalangan pesara kerajaan atau bukan pegawai awam.

3. Jawatan Ketua Eksekutif institusi pengajian tinggi awam merujuk kepada jawatan Naib Canselor yang bertanggungjawab dalam merancang hala tuju strategik universiti, meningkatkan keberkesanan pendidikan tinggi dalam melahirkan graduan berkualiti, meningkatkan penyelidikan ke arah membentuk modal insan cemerlang, gemilang dan terbilang, serta meningkatkan kecekapan pengurusan universiti dengan tujuan memartabatkan institusi pengajian tinggi awam di peringkat antarabangsa.

PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN

4. Skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM yang berkuat kuasa diperuntuk perbekalan kenaikan pangkat yang baru iaitu Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Ketua Eksekutif. Dengan ini, Pensyarah Universiti/Pensyarah Perubatan/Pensyarah Pergigian/Pensyarah UiTM Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke jawatan Ketua Eksekutif yang kosong tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
- (c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

5. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM yang berkuat kuasa adalah **dikekalkan**. Skim perkhidmatan yang baru adalah seperti di **Lampiran A, B, C dan D**, manakala format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran A1, B1, C1 dan D1**.

PELAKSANAAN

6. Dengan berkuat kuasanya perubahan skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM ini, semua pegawai yang sedang berkhidmat adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan yang baru ini.


TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 September 2007**.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2006 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 30 Tahun 2005 dan skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan dan Pensyarah UiTM yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2006 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 31 Tahun 2005 adalah dibatalkan dan diganti dengan skim perkhidmatan baru ini.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

5 Disember 2008

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi
Pendaftar Universiti

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 SEPTEMBER 2007

GRED

JADUAL GAJI MATRIKS

Gred DS45	:	P1T1 RM2546.05	-	P1T21 RM5484.96
		P2T1 RM2642.06	-	P2T21 RM5788.25
		P3T1 RM2742.25	-	P3T21 RM6113.85
Gred DS51	:	P1T1 RM4573.47	-	P1T10 RM6439.44
		P2T1 RM4789.15	-	P2T10 RM6730.27
		P3T1 RM5013.18	-	P3T10 RM7029.45
Gred DS52	:	P1T1 RM4573.47	-	P1T10 RM6439.44
		P2T1 RM5013.18	-	P2T10 RM7029.45
Gred DS53	:	P1T1 RM4842.03	-	P1T10 RM6797.08
		P2T1 RM5057.71	-	P2T10 RM7117.13
		P3T1 RM5281.74	-	P3T10 RM7448.31
Gred DS54	:	P1T1 RM4842.03	-	P1T10 RM6797.08
		P2T1 RM5281.74	-	P2T10 RM7448.31
Gred Khas C	:	RM6595.99	-	RM 9480.90
Gred Khas B	:	RM7145.00	-	RM10270.05
Gred Khas A	:	RM7766.66	-	RM11164.94

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DS45

- (c)
 - (i) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau
 - (iii) ijazah Doktor Perubatan Veterinar dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (iv) kelayakan Perubatan Veterinar yang berdaftar sebagai Doktor Veterinar di bawah Jadual II Bahagian I, Akta Doktor Veterinar 1974 dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: P1T4); atau

- (v) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: P1T4);

- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DS51

- (e) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DS53 (PROFESOR MADYA)

- (f) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

- (g) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred DS45, DS51, DS53 atau Gred Khas C boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

- | | |
|---------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| TEMPOH PERCUBAAN | 3. Pensyarah Universiti yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. |
| LATIHAN | 4. Pensyarah Universiti boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan. |
| KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN | 5. Pensyarah Universiti dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan. |
| PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN | 6. Pensyarah Universiti yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan (c) diperaku oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan. |
| PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN | 7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN | 8. Pensyarah Universiti hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat. |
| KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DS52 | 9. Pensyarah Universiti Gred DS45 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS52 apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan. |
| KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DS54
(PROFESOR MADYA) | 10. Pensyarah Universiti Gred DS51/52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS54 apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan. |

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS C
(PROFESOR)**

11. Pensyarah Universiti Gred DS53/54 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas C apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DS45 KE GRED DS54
(PROFESOR MADYA) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

12. Pensyarah Universiti Gred DS45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred DS54.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DS45 KE GRED KHAS C
(PROFESOR) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

13. Pensyarah Universiti Gred DS45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat luar biasa mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DS51/52 KE GRED
KHAS C (PROFESOR) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

14. Pensyarah Universiti Gred DS51/52 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS YANG LEBIH
TINGGI**

15. Pensyarah Universiti Gred Khas C adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN KETUA
EKSEKUTIF**

16. Pensyarah Universiti Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 [Lampiran A1 - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 31 Tahun 2005, JPA(S)324/3/4-5 Klt.11 SK.1(19)].

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pensyarah Universiti
 (b) Badan Berkanun : Nama Agensi
 (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
 (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pendidikan

2. Jadual Gaji

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred DS45	: P1T1 RM2546.05 - P1T21 RM5484.96 P2T1 RM2642.06 - P2T21 RM5788.25 P3T1 RM2742.25 - P3T21 RM6113.85	
Gred DS51	: P1T1 RM4573.47 - P1T10 RM6439.44 P2T1 RM4789.15 - P2T10 RM6730.27 P3T1 RM5013.18 - P3T10 RM7029.45	
Gred DS52	: P1T1 RM4573.47 - P1T10 RM6439.44 P2T1 RM5013.18 - P2T10 RM7029.45	
Gred DS53	: P1T1 RM4842.03 - P1T10 RM6797.08 P2T1 RM5057.71 - P2T10 RM7117.13 P3T1 RM5281.74 - P3T10 RM7448.31	
Gred DS54	: P1T1 RM4842.03 - P1T10 RM6797.08 P2T1 RM5281.74 - P2T10 RM7448.31	
Gred Khas C	: RM6595.99 - RM 9480.90	
Gred Khas B	: RM7145.00 - RM10270.05	
Gred Khas A	: RM7766.66 - RM11164.94	

3. Syarat Lantikan

: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau
- (iii) ijazah Doktor Perubatan Veterinar dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iv) kelayakan Perubatan Veterinar yang berdaftar sebagai Doktor Veterinar di bawah Jadual II Bahagian I, Akta Doktor Veterinar 1974 dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS45:P1T4); atau

- (v) ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS45:P1T4);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh ketua jabatan/perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat).
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

Catatan: Syarat lantikan terus ke gred-gred lebih tinggi daripada DS45 hendaklah berpandukan syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

LAMPIRAN B

SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERUBATAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 SEPTEMBER 2007

GRED

JADUAL GAJI MATRIKS

Gred DU45	:	P1T1 RM2857.75 - P1T18 RM5674.21 P2T1 RM3016.38 - P2T18 RM5969.17 P3T1 RM3181.97 - P3T18 RM6285.00
Gred DU51	:	P1T1 RM4577.64 - P1T10 RM6443.61 P2T1 RM4793.32 - P2T10 RM6734.44 P3T1 RM5017.35 - P3T10 RM7033.62
Gred DU52	:	P1T1 RM4577.64 - P1T10 RM6443.61 P2T1 RM5017.35 - P2T10 RM7033.62
Gred DU53	:	P1T1 RM4945.00 - P1T10 RM6900.05 P2T1 RM5160.68 - P2T10 RM7220.10 P3T1 RM5384.71 - P3T10 RM7551.28
Gred DU54	:	P1T1 RM4945.00 - P1T10 RM6900.05 P2T1 RM5384.71 - P2T10 RM7551.28
Gred Khas C	:	RM6595.99 - RM 9480.90
Gred Khas B	:	RM7145.00 - RM10270.05
Gred Khas A	:	RM7766.66 - RM11164.94

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DU45

- (c) (i) ijazah dalam bidang perubatan dan sekurang-kurangnya diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
- (ii) ijazah dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU45: P1T2);

- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DU51

- (e) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

**KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DU53
(PROFESOR MADYA)**

- (f) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang sangat istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

**KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED KHAS C
(PROFESOR)**

- (g) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred DU45, DU51, DU53 atau Gred Khas C boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 3. Pensyarah Perubatan yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

- 4. Pensyarah Perubatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

- 5. Pensyarah Perubatan dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Pensyarah Perubatan yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

8. Pensyarah Perubatan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DU52

9. Pensyarah Perubatan Gred DU45 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred DU52 apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DU54 (PROFESOR MADYA)

10. Pensyarah Perubatan Gred DU51/52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred DU54 apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS C (PROFESOR)

11. Pensyarah Perubatan Gred DU53/54 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas C apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DU45 KE GRED DU54
(PROFESOR MADYA) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

12. Pensyarah Perubatan Gred DU45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred DU54.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DU45 KE GRED KHAS C
(PROFESOR) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

13. Pensyarah Perubatan Gred DU45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat luar biasa mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DU51/52 KE GRED
KHAS C (PROFESOR) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

14. Pensyarah Perubatan Gred DU51/52 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS YANG
LEBIH TINGGI**

15. Pensyarah Perubatan Gred Khas C adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN KETUA
EKSEKUTIF**

16. Pensyarah Perubatan Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 [Lampiran A2 - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 31 Tahun 2005, JPA(S)324/3/4-5 Klt.11 SK.1(19)].

FORMAT IKLAN JAWATAN

- 1 (a) Nama Jawatan : Pensyarah Perubatan
 (b) Badan Berkanun : Nama Agensi
 (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
 (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pendidikan

2 Jadual Gaji

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred DU45	: P1T1 RM2857.75 - P1T18 RM5674.21 P2T1 RM3016.38 - P2T18 RM5969.17 P3T1 RM3181.97 - P3T18 RM6285.00	
Gred DU51	: P1T1 RM4577.64 - P1T10 RM6443.61 P2T1 RM4793.32 - P2T10 RM6734.44 P3T1 RM5017.35 - P3T10 RM7033.62	
Gred DU52	: P1T1 RM4577.64 - P1T10 RM6443.61 P2T1 RM5017.35 - P2T10 RM7033.62	
Gred DU53	: P1T1 RM4945.00 - P1T10 RM6900.05 P2T1 RM5160.68 - P2T10 RM7220.10 P3T1 RM5384.71 - P3T10 RM7551.28	
Gred DU54	: P1T1 RM4945.00 - P1T10 RM6900.05 P2T1 RM5384.71 - P2T10 RM7551.28	
Gred Khas C	: RM6595.99 - RM 9480.90	
Gred Khas B	: RM7145.00 - RM10270.05	
Gred Khas A	: RM7766.66 - RM11164.94	

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- (c) (i) ijazah dalam bidang perubatan dan sekurang-kurangnya diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
- (ii) ijazah dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU45:P1T2);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara.
5. Penaklukan di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa kesemasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh ketua jabatan/perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

Catatan: Syarat lantikan terus ke gred-gred lebih tinggi daripada DU45 hendaklah berpandukan syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

LAMPIRAN C

SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERGIGIAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 SEPTEMBER 2007

GRED

JADUAL GAJI MATRIKS

Gred DUG45	:	P1T1 RM2835.67	-	P1T19 RM5621.52
		P2T1 RM2931.68	-	P2T19 RM5916.46
		P3T1 RM3031.87	-	P3T19 RM6236.49
Gred DUG51	:	P1T1 RM4575.56	-	P1T10 RM6441.53
		P2T1 RM4791.24	-	P2T10 RM6732.36
		P3T1 RM5015.27	-	P3T10 RM7031.54
Gred DUG52	:	P1T1 RM4575.56	-	P1T10 RM6441.53
		P2T1 RM5015.27	-	P2T10 RM7031.54
Gred DUG53	:	P1T1 RM4866.23	-	P1T10 RM6821.28
		P2T1 RM5081.91	-	P2T10 RM7141.33
		P3T1 RM5305.94	-	P3T10 RM7472.51
Gred DUG54	:	P1T1 RM4866.23	-	P1T10 RM6821.28
		P2T1 RM5305.94	-	P2T10 RM7472.51
Gred Khas C	:	RM6595.99	-	RM 9480.90
Gred Khas B	:	RM7145.00	-	RM10270.05
Gred Khas A	:	RM7766.66	-	RM11164.94

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DUG45

- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan sekurang-kurangnya diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Pergigian Malaysia; atau

Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan kelayakan kepakaran dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG45: P1T2);

- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DUG51

- (e) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DUG53
(PROFESOR MADYA)

- (f) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED KHAS C
(PROFESOR)

- (g) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred DUG45, DUG51, DUG53 atau Gred Khas C boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pensyarah Pergigian yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pensyarah Pergigian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
5. Pensyarah Pergigian dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pensyarah Pergigian yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
8. Pensyarah Pergigian hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED DUG52**
9. Pensyarah Pergigian Gred DUG45 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred DUG52 apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED DUG54 (PROFESOR MADYA)**
10. Pensyarah Pergigian Gred DUG51/52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred DUG54 apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS C
(PROFESOR)**

11. Pensyarah Pergigian Gred DUG53/54 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred Khas C apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DUG45 KE GRED DUG54
(PROFESOR MADYA) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

12. Pensyarah Pergigian Gred DUG45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred DUG54.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DUG45 KE GRED KHAS
C (PROFESOR) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

13. Pensyarah Pergigian Gred DUG45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat luar biasa mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DUG51/52 KE GRED
KHAS C (PROFESOR) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

14. Pensyarah Pergigian Gred DUG51/52 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS YANG
LEBIH TINGGI**

15. Pensyarah Pergigian Gred Khas C adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN KETUA
EKSEKUTIF**

16. Pensyarah Pergigian Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 [Lampiran A - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 30 Tahun 2005, JPA(S)324/3/4-5 Klt.11 SK.2(8)].

LAMPIRAN C1

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pensyarah Pergigian
- (b) Badan Berkanun : Nama Agensi
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pendidikan

2. Jadual Gaji

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred DUG45	: P1T1 RM2857.75 - P1T18 RM5746.21 P2T1 RM3016.38 - P2T18 RM5969.17 P3T1 RM3181.97 - P3T18 RM6285.00	
Gred DUG51	: P1T1 RM4577.64 - P1T10 RM6443.61 P2T1 RM4793.32 - P2T10 RM6734.44 P3T1 RM5017.35 - P3T10 RM7033.62	
Gred DUG52	: P1T1 RM4577.64 - P1T10 RM6443.61 P2T1 RM5017.35 - P2T10 RM7033.62	
Gred DUG53	: P1T1 RM4945.00 - P1T10 RM6900.05 P2T1 RM5160.68 - P2T10 RM7220.10 P3T1 RM5384.71 - P3T10 RM7551.28	
Gred DUG54	: P1T1 RM4945.00 - P1T10 RM6900.05 P2T1 RM5384.71 - P2T10 RM7551.28	
Gred Khas C	: RM6595.99 - RM 9480.90	
Gred Khas B	RM7145.00 - RM10270.05	
Gred Khas A	RM7766.66 - RM11164.94	

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan sekurang-kurangnya diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institutsi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Pergigian Malaysia; atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan kelayakan kepakaran dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG45:P1T2);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat).
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

Catatan : Syarat lantikan terus ke gred-gred lebih tinggi daripada DUG45 hendaklah berpandukan syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

LAMPIRAN D

SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH UiTM

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA	:	1 SEPTEMBER 2007

GRED

JADUAL GAJI MATRIKS

Gred DM41	:	P1T1 RM1876.74	-	P1T25 RM4645.84
		P2T1 RM1979.71	-	P2T25 RM4924.12
		P3T1 RM2086.86	-	P3T25 RM5226.18
Gred DM45	:	P1T1 RM2546.05	-	P1T21 RM5484.96
		P2T1 RM2642.06	-	P2T21 RM5788.25
		P3T1 RM2742.25	-	P3T21 RM6113.85
Gred DM46	:	P1T1 RM2546.05	-	P1T21 RM5484.96
		P2T1 RM2742.25	-	P2T21 RM6113.85
Gred DM51	:	P1T1 RM4573.47	-	P1T10 RM6439.44
		P2T1 RM4789.15	-	P2T10 RM6730.27
		P3T1 RM5013.18	-	P3T10 RM7029.45
Gred DM52	:	P1T1 RM4573.47	-	P1T10 RM6439.44
		P2T1 RM5013.18	-	P2T10 RM7029.45
Gred DM53	:	P1T1 RM4842.03	-	P1T10 RM6797.08
		P2T1 RM5057.71	-	P2T10 RM7117.13
		P3T1 RM5281.74	-	P3T10 RM7448.31
Gred DM54	:	P1T1 RM4842.03	-	P1T10 RM6797.08
		P2T1 RM5281.74	-	P2T10 RM7448.31
Gred Khas C	:	RM6595.99	-	RM 9480.90
Gred Khas B	:	RM7145.00	-	RM10270.05
Gred Khas A	:	RM7766.66	-	RM11164.94

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DM41

- (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (ii) ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: P1T2); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: P1T3); atau

- (iv) ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: P1T5); atau

- (v) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: P1T6); atau

- (vi) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: P1T7); atau

- (vii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: P1T8);

- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DM45

- (e) (i) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (ii) ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau

- (iii) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: PIT4);

- dan (f) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DM51

- (g) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan l(e) dan (f) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DM53 (PROFESOR MADYA)

- (h) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan l(e) dan (f) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

- (i) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan l(e) dan (f) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pensyarah UiTM adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan l(c) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred DM41, DM45, DM51, DM53 dan Gred Khas C boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja, bakat, kemahiran atau kepakaran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pensyarah UiTM yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pensyarah UiTM boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
6. Pensyarah UiTM dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pensyarah UiTM yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Pensyarah UiTM hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED DM46**
10. Pensyarah UiTM Gred DM41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM46 apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) memiliki kelayakan di perenggan 1(e);
 - (c) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang bermutu tinggi dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;
 - (d) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (e) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DM52**

11. Pensyarah UiTM Gred DM45/46 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM52 apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DM54
(PROFESOR MADYA)**

12. Pensyarah UiTM Gred DM51/52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM54 apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS C
(PROFESOR)**

13. Pensyarah UiTM Gred DM53/54 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred Khas C apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DM45/46 KE GRED
DM54 (PROFESOR MADYA)
DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

14. Pensyarah UiTM Gred DM45/46 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred DM54.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DM45/46 KE GRED
KHAS C (PROFESOR) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

15. Pensyarah UiTM Gred DM45/46 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat luar biasa mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DM51/52 KE GRED
KHAS C (PROFESOR) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

16. Pensyarah UiTM Gred DM51/52 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS YANG
LEBIH TINGGI**

17. Pensyarah UiTM Gred Khas C adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE JAWATAN KETUA
EKSEKUTIF**

18. Pensyarah UiTM Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;
- (c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 [Lampiran A3 - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 31 Tahun 2005, JPA(S)324/3/4-5 Klt.11 SK.1(19)].

LAMPIRAN D1

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pensyarah UiTM
 - (b) Badan Berkanun : Nama Agensi
 - (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
 - (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pendidikan
2. Jadual Gaji

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred DM41	: P1T1 RM1876.74 - P1T25 RM4645.84 P2T1 RM1979.71 - P2T25 RM4924.12 P3T1 RM2086.86 - P3T25 RM5226.18
Gred DM45	: P1T1 RM2546.05 - P1T21 RM5484.96 P2T1 RM2642.06 - P2T21 RM5788.25 P3T1 RM2742.25 - P3T21 RM6113.85
Gred DM46	: P1T1 RM2546.05 - P1T21 RM5484.96 P3T1 RM2742.25 - P3T21 RM6113.85
Gred DM51	: P1T1 RM4573.47 - P1T10 RM6439.44 P2T1 RM4789.15 - P2T10 RM6730.27 P3T1 RM5013.18 - P3T10 RM7029.45
Gred DM52	: P1T1 RM4573.47 - P1T10 RM6439.44 P2T1 RM5013.18 - P2T10 RM7029.45
Gred DM53	: P1T1 RM4842.03 - P1T10 RM6797.08 P2T1 RM5057.71 - P2T10 RM7117.13 P3T1 RM5281.74 - P3T10 RM7448.31
Gred DM54	: P1T1 RM4842.03 - P1T10 RM6797.08 P2T1 RM5281.74 - P2T10 RM7448.31
Gred Khas C	: RM6595.99 - RM 9480.90
Gred Khas B	: RM7145.00 - RM10270.05
Gred Khas A	: RM7766.66 - RM11164.94

3. Syarat Lantikan

: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (ii) ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41:P1T2); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41:P1T3); atau

- (iv) ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41:P1T5); atau

- (v) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41:P1T6); atau

(vi) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41:P1T7); atau

(vii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41:P1T8);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pensyarah UiTM yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 3 di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara.
6. Penaklukan di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa kesemasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh ketua jabatan/perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat).
8. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

Catatan: Syarat lantikan terus ke gred-gred lebih tinggi daripada DM41 hendaklah berpandukan syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan.